

# K'JAAN NEGERI KOMITED MAJUKAN PENDIDIKAN: KM

NST 10/09/2011 1

OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Kerajaan negeri akan terus komited memajukan dan meningkatkan tahap pendidikan tinggi di negeri ini, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Haji Aman.

Beliau yang juga Pro Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, usaha itu antaranya menerusi pembinaan infrastruktur moden dan canggih seperti Hab Pendidikan Sandakan yang menempatkan pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) termasuk Sekolah Pertanian Lestari UMS, pusat-pusat latihan dan institusi kemahiran.

Katanya, semua kemudahan yang disediakan itu adalah untuk menjana modal insan berkualiti dengan minda kelas pertama dan meningkatkan kecemerlangan masa depan yang lebih baik untuk para pelajar dan rakyat secara keseluruhannya.

“Berdasarkan wawasan itu, UMS meletakkan sasaran menjadikan universiti itu sebuah universiti yang berinovatif dan bertaraf dunia melalui pelbagai pendekatan terancang.

“Antaranya berusaha mencapai kegemilangan akademik dalam pelbagai bidang ilmu, mendapatkan pengiktirafan antarabangsa termasuk kegiatan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan ilmu dengan nilai agama dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan daya pengeluaran, potensi dan nilai diri dalam masyarakat dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan amanat pada Majlis Lafaz Ikrar & Aku Janji Mahasiswa Baru UMS, di Dewan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Prof Datuk Dr. Rujhan Mustafa, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Haji Ampon, ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS, dan pegawai-pegawai utama universiti itu.

Musa berkata, kampus utama UMS yang mula dibangunkan pada tahun 1995 telah mengalami pembangunan fizikal yang terancang dan pantas. Selain dilengkapi kemudahan canggih dan tenaga akademik yang berwibawa, UMS juga mempunyai beberapa kampus cawangan.

“Antaranya, Kampus Antarabangsa Labuan yang menempatkan beberapa sekolah, kampus cawangan Sandakan dan kampus cawangan Keningau yang akan mula dibangunkan tidak lama lagi.

“UMS juga memiliki pusat-pusat penye-



**DIIRINGI MASUK...** Musa diiringi masuk ke Dewan Canselor untuk Majlis Lafaz Ikrar Dan Aku Janji kelmarin.

lidikan Bio Banjaran Crocker di Kimanis, Pusat Khidmat Kesihatan di Matunggong Kudat dan Pusat Penyelidikan Marin di sebuah pulau di Semporna. Selain itu, UMS sedang dalam rangka membangunkan sebuah Hospital Universiti untuk melengkapkan kewujudan sekolah perubatannya,” katanya.

Oleh itu beliau menyeru para pelajar supaya memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang ada di UMS bagi meningkatkan kualiti hidup pada masa akan datang.

“Bagi siswa dan siswi yang pertama kali menjejakkan kaki ke Sabah, saya ucapkan selamat datang ke Negeri di Bawah Bayu. Anda akan menghayati kehidupan yang unik lagi harmoni dengan menjadi sebahagian anggota masyarakat pelbagai suku kaum dan etnik, agama dan budaya yang hidup rukun, mesra dan harmoni.

“Keunikan ini benar-benar melambangkan konsep 1Malaysia, sehinggakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, mengakui bahawa Sabah benar-benar menepati ciri-ciri dan contoh terbaik konsep 1Malaysia,” katanya.

Musa berkata, seiring dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat

Kecemerlangan Ilmu di rantau Asia Tenggara, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang mampu melonjakkan keunggulan ilmu dan mampu mengeluarkan lulusan yang berdaya saing, berinovasi, berakhlak mulia dan berkemampuan mengangkat kemajuan negara serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Beliau turut mengingatkan para pelajar supaya terus mengukuhkan jatidiri, mematuhi peraturan kampus, mendahulukan tanggungjawab sebagai pelajar dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai ajaran agama dan adat budaya yang murni.

“Berikan fokus sepenuhnya kepada tanggungjawab utama iaitu menimba ilmu pengetahuan. Saya yakin para pelajar universiti ini akan menjadi kebanggaan keluarga, rakyat dan negara khususnya negeri Sabah.

“Jangan abaikan harapan ibu bapa kerana setiap harapan mereka ialah mewakili harapan kerajaan dan rakyat serta harapan bangsa dan negara untuk kita bertekad cemerlang seterusnya melangkah lebih jauh ke hadapan bagi memacu kemajuan dan kejayaan dengan kegemilangan,” katanya.